

20 MAY 1996

Ong-Dadah

MESYUARAT PERTAMA MAJLIS DADAH KEBANGSAAN JUN INI

KUANTAN, 20 Mei (Bernama) -- Majlis Dadah Kebangsaan yang akan bermesyuarat buat pertama kalinya pada 6 Jun ini antara lain akan menumpukan perhatian kepada program pencegahan dan rawatan ke atas penagih secara bersepadu, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ong Ka Ting hari ini.

Semasa ditemui pemberita di sini, beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan mesyuarat itu.

Katanya, kerajaan berhasrat untuk menangani masalah berkaitan dadah secara bersepadu dan menyeluruh dengan pembabitkan semua pihak agar tidak berlaku sebarang pertindihan tugas serta pembaziran tenaga.

Katanya, aspek lain yang akan turut diberi penekanan pada mesyuarat itu kelak ialah meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya dadah dan penyelidikan serta kajian mendalam mengenai gejala penyalahgunaan dadah di negara ini.

Ong enggan mengulas semasa ditanya mengenai kejadian rusuhan di Pusat Serenti Jeli, Kelantan semalam membabitkan lebih 700 pelatih yang mendakwa tidak berpuashati dengan layanan kakitangan di pusat berkenaan.

Dalam kejadian itu, perusuh-perusuh membakar sembilan bangunan, dua van, sebuah lori dan sebuah kereta.

Mengenai laporan penemuan senapang patah buatan sendiri di beberapa penempatan Orang Asli di Pahang, Ong menasihati mereka agar memberhentikan kegiatan yang boleh membahayakan, umpamanya membuat sendiri senjata api seperti

senapang patah dan bahan letupan. -- BERNAMA

ROS AHH